

UTUSAN 506.2008 M/S 11

# Kesan inflasi dunia

## Inflasi yang berlaku ini seterusnya akan membawa kepada ketidakstabilan politik, ekonomi dan kemanusiaan seperti kebuluran, kemiskinan, pengangguran dan sebagainya khususnya kepada negara-negara dunia ketiga

gainya khususnya di kalangan negara dunia ketiga.

Ketika inilah AS akan memainkan peranan mereka selaku negara 'teras' untuk meluaskan pengaruh dengan membuat 'ke-bajikan' melalui bantuan-bantuan kemanusiaan dan kewangan. Secara tidak langsung, negara-negara miskin atau periphery ini akan terus bergantung kepada mereka demi 'survival' mereka sendiri.

Sebagai contoh AS telah menyumbang AS\$200 (RM648) juta kepada negara-negara yang dilanda krisis makanan pada awal tahun ini. Justeru kebergantungan antara core countries dengan semi-periphery dan periphery countries ini secara tidak langsung akan terus menyebabkan penindasan dan perluasan pengaruh yang boleh mengancam kedaulatan negara.

Oleh itu, dapat dilihat besarnya kesan dan akibat kenaikan harga makanan, minyak dan komoditi di pasaran dunia ini kepada sesebuah kerajaan dan negara.

Pendekatan bijak dan drastik perlu dilakukan dengan kadar segera bagi menangani krisis ini daripada terus berpanjangan bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Justeru, gesaan Perdana Menteri agar masyarakat dunia bersama-sama menangani krisis kenaikan harga makanan, minyak dan komoditi ini adalah sesuatu yang tepat pada masanya kerana dunia kini dilihat sudah hampir tidak mampu untuk menanggung lagi tekanan akibat krisis tersebut.

Malah satu bentuk kerjasama antarabangsa perlu diwujudkan seperti ASEAN+3 yang mana satu bentuk kerjasama erat antara negara-negara ASEAN dengan negara maju Asia seperti Jepun, China dan Korea Selatan dilaksanakan.

Dengan ini setiap permasalahan yang berlaku akan dihadapi secara bersama dan akan wujud sikap tidak pentingkan diri di kalangan masyarakat antarabangsa dalam menangani sesuatu krisis.

**SHAHIR SALLEH** ialah graduan ijazah sarjana muda pengurusan hal ehwal antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

bentuk dasar luar mereka.

Ini terbukti dengan jelas melalui peperangan menentang keganasan yang ditaja oleh mereka sehingga membawa kepada peperangan di Afghanistan dan juga Iraq. Namun keganasan apakah yang mereka ingin perangi di Iraq setelah kejatuhan Saddam Hussein?

Mereka sendiri yang mewujudkan perang saudara di Iraq dengan memecahkan lagi puak Syiah dengan Sunni. Dengan mewujudkan suasana yang tidak stabil di negara tersebut membolehkan mereka untuk terus berada lebih lama di sana.

### Pencerobohan

Ini secara tidak langsung membolehkan mereka menguasai simpanan minyak yang berada di Iraq. Malah, seluruh dunia mengetahui bahawa Iraq merupakan negara pengeluar minyak yang kedua terbesar di dunia sewaktu pencerobohan ke atasnya berlaku.

Justeru tidak hairanlah seandainya AS sanggup menggunakan apa jua cara dan alasan agar matlamat mereka untuk terus berkuasa di dunia ini tercapai.

AS dilihat sangat memerlukan minyak bukan sahaja untuk kegunaan mereka secara konvensional, malah sebagai 'senjata' untuk mengimbangi pengaruh mereka dengan kuasa dunia yang lain.

Ini kerana sejak tahun 2000, ekonomi Rusia telah berkembang dengan drastik hasil pengeluaran minyak yang melimpah ruah. Keadaan ini dilihat membimbangkan AS kerana sejak era Perang Dingin lagi Rusia sentiasa menjadi 'pencabar' mereka dalam sistem antarabangsa.

AS merasakan bahawa dengan menambah simpanan minyak, mereka secara langsung dapat mengawal ekonomi di seluruh

dunia kerana minyak merupakan pemangkin kepada pelbagai industri dunia.

Justeru signifikan terhadap peperangan di Iraq dan Afghanistan selain usaha untuk memperkukuhkan pengaruh mereka di Asia Barat adalah untuk memastikan bahawa 'senjata' tersebut tidak jatuh ke tangan orang lain yang mana akhirnya akan membawa kepada merosotnya pengaruh mereka dalam sistem antarabangsa.

Oleh itu, dengan mengawal simpanan minyak maka secara tidak langsung mereka juga akan turut mengawal harga bahan mentah tersebut di pasaran.

Malah kenaikan harga minyak di pasaran dunia sehingga mencecah AS\$130 (RM421) setong juga tidak mustahil merupakan muslihat AS dalam usaha untuk terus memperluaskan pengaruh mereka di dunia.

Ini kerana kenaikan harga minyak ini telah dikatakan berpunca daripada pelbagai masalah politik yang melanda negara-negara pengeluar utama seperti Iran di samping masalah kejatuhan nilai mata wang dolar di pasaran.

Kedua-dua punca ini dilihat berkaitan dengan AS di mana umum mengetahui permusuhan sekian lama antara AS dengan Iran sejak Revolusi Iran 1979, di samping kemungkinan AS sengaja untuk membiarkan mata wang dolarnya jatuh di pasaran.

Ini kerana harga minyak akan melambung naik disebabkan oleh syarikat-syarikat pengeluar mahu mengekalkan margin keuntungan dalam perniagaan mereka.

Dengan itu, kenaikan harga minyak ini akan membawa kesan besar kepada ekonomi dunia termasuklah dengan kenaikan harga makanan dan komoditi.

Inflasi yang berlaku ini seterusnya akan membawa kepada ketidakstabilan politik, ekonomi dan kemanusiaan seperti kebuluran, kemiskinan, pengangguran dan seba-

**DEWASA** ini masyarakat antara-bangsa berada dalam keadaan yang cukup terumbang-ambing dengan pelbagai masalah yang berlaku di seluruh pelosok dunia. Bermula dengan peperangan, ketidakstabilan ekonomi, bencana alam sehinggalah kepada kenaikan harga makanan, minyak dan komoditi yang menyebabkan krisis makanan yang cukup meruncing.

Keadaan ini membawa kepada satu bentuk ancaman besar kepada kestabilan politik dan ekonomi antarabangsa khususnya bagi negara-negara yang sedang membangun seperti Malaysia untuk terus bertahan dalam usaha mencapai kemajuan menjelang tahun 2020.

Justeru gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar masyarakat dunia bersama-sama mengambil tindakan berani dan drastik untuk memerangi kenaikan harga makanan, minyak dan komoditi adalah sesuatu yang amat di-alu-alukan.

Ini kerana sudah sampai masanya masyarakat di seluruh dunia menggembeng tenaga memastikan agar kemakmuran dan kestabilan yang dinikmati selama ini akan dapat dikekalkan.

Malaysia juga seharusnya memainkan peranan dengan lebih berkesan sebagai salah sebuah negara membangun yang berpengaruh untuk mengajak masyarakat antarabangsa bersama-sama menangani krisis ini.

Namun malangnya, negara-negara maju dilihat tidak berkongsi kebimbangan dalam menangani krisis ini, kecuali kenaikan harga minyak.

Kenyataan Perdana Menteri sewaktu merasmikan Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-22 kelmarin sememangnya tidak boleh disangkal. Ini kerana negara-negara maju dilihat lebih mengutamakan krisis yang akan menjejaskan kepentingan mereka sahaja.

Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) lebih senang untuk memfokuskan kepada kenaikan harga minyak kerana krisis inilah yang akan memberi pengaruh yang cukup besar dalam pem-